

09/10/2002

China tawar pasaran luas produk makanan halal: Dr M

Kadir Dikoh; Jami'ah Shukri

CHINA yang mempunyai penduduk beragama Islam kira-kira 60 juta orang menyediakan peluang pasaran yang luas bagi produk makanan halal Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata syarikat tempatan perlu berusaha menembusi pasaran negara berkenaan.

Beliau berkata, selain mengeksport produk makanan halal, syarikat Malaysia juga boleh meneroka peluang mewujudkan rangkaian restoran makanan halal di China.

"Selain makanan, kita juga boleh mengeksport produk halal lain, seperti kosmetik, barangan perhiasan dan produk penjagaan kulit ke China," katanya ketika berucap pada Persidangan Ekonomi Malaysia-China di Petaling Jaya, semalam.

Persidangan sehari bertajuk "Cabaran - Impak dan Prospek" itu dihadiri 1,800 peserta yang terbabit dalam sektor perdagangan, badan korporat, agensi kerajaan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Hadir sama ialah Pengerusi Pusat Perundingan PKS Kebangsaan, Datuk Chua Jui Meng yang juga Menteri Kesihatan dan Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Amin Al-Jeffri.

Dr Mahathir berkata, kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan teknologi moden membolehkan Malaysia mengeksport produk makanan ke pasaran global dengan memenuhi piawaian antarabangsa.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Perdana Menteri berkata, kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat makanan halal dengan membekalkannya kepada umat Islam di seluruh dunia.

"Di mana ada orang Islam, ia akan menjadi pasaran berpotensi. Pada masa sama kita boleh juga bekerjasama dengan orang Islam di China untuk mengeluarkan makanan halal di sana.

"Pengeluaran makanan halal kita (di Malaysia) sudah mendapat pengiktirafan dunia. Banyak yang mahu bekerjasama dengan Malaysia.

"Sesetengah negara walaupun didakwa sebagai (mengeluarkan makanan) halal tetapi tidak diterima oleh sesetengah negara lain," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menasihatkan peniaga tempatan supaya melihat perkembangan di China secara positif.

Beliau berkata, meskipun China adalah pesaing utama negara ini, ia juga menyediakan peluang bagi kerjasama ke arah meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan.

Oleh itu, syarikat Malaysia perlu berusaha keras untuk mengambil kesempatan daripada potensi perniagaan yang besar di China, katanya.

Katanya, sejak 1991, jumlah perdagangan antara China dan Malaysia meningkat kira-kira enam kali ganda dengan eksport ke negara itu meningkat sebanyak tujuh kali ganda manakala import dari China pula naik enam kali ganda.

"Sepanjang tempoh tujuh bulan tahun ini, China muncul sebagai pasaran eksport keempat terbesar bagi Malaysia dan juga sumber import.

"Malaysia pula adalah rakan dagangan ke-10 terbesar China, kesembilan terbesar dari segi sumber import dan pasaran eksport ke-14 terbesar negara itu.

"Bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, Malaysia adalah rakan dagangan global ketujuh terbesar bagi China dan rakan dagangan terbesarnya di kalangan negara Asean," katanya.

Dr Mahathir berkata, peningkatan kukuh dalam perdagangan dua hala sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah bukti wujudnya potensi antara

kedua-dua negara untuk terus mengembangkan hubungan perdagangan dan pelaburan.

Beliau juga menggesa syarikat Malaysia bekerjasama dengan pengeluar dari China dalam bidang yang mereka mempunyai kelebihan teknologi kerana perkongsian itu akan membantu syarikat tempatan menembusi bukan saja pasaran China, malah pasaran serantau dan sejagat.

Perdana Menteri berkata, usahawan Malaysia juga perlu meneroka peluang kerjasama dengan rakan mereka dari China dalam sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan berkaitan penjagaan kesihatan, pendidikan, pelancongan, francais, perdagangan runcit, rangkaian kedai, pasar raya, telekomunikasi, teknologi maklumat dan komunikasi, runding cara, pengurusan dan logistik.